

03 MAR 1997

Mahathir-Tabung

DR MAHATHIR SAMBUT BAIK CADANGAN ADAKAN TABUNG KHAS ASEAN

KUALA LUMPUR, 3 Mac (Bernama) -- Tabung bagi membantu negara-negara Asean yang menghadapi masalah kewangan patut diadakan untuk digunakan semasa perlu, kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Beliau menyambut baik cadangan mesyuarat pertama Menteri-menteri Kewangan Asean di Phuket Sabtu lepas untuk menubuhkan satu skim bantuan kewangan bagi menolong negara-negara anggota yang menghadapi krisis kewangan.

"Saya rasa ia satu cadangan yang baik. Kita tidak hendak mana-mana negara Asean menghadapi masalah kewangan.

"Kalau kita boleh ada tabung untuk membantu masa kecemasan, kita patut ada," katanya kepada pemberita selepas melancarkan kempen menanam pokok di Taman Rekreasi Medan Idaman di Jalan Gombak di sini.

Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim, yang juga Menteri Kewangan, menyatakan selepas mesyuarat sehari itu mengenai persetujuan para menteri berkenaan menubuhkan tabung tersebut tetapi keputusan muktamad terletak di tangan ketua-ketua kerajaan Asean.

Mengenai mesyuarat melibatkan Amerika Syarikat dan lima negara Asia termasuk Australia yang akan diadakan di Tokyo, Dr Mahathir berkata Malaysia tidak mempunyai hak untuk menyatakan apa-apa jika Australia turut dianggap sebagai negara Asia oleh Amerika Syarikat.

"Amerika menganggap Australia sebagai negara Asia. Itu hak mereka tetapi mereka juga boleh menganggap kita sebagai negara Eropah, panggil kita bila ada mesyuarat Eropah," katanya. -- BERNAMA

AZZ AKD